



## KENYATAAN MEDIA

### **RM9,500.00 AGIHAN DANA CSR YAYASAN WAQAF MALAYSIA BAGI TUJUAN PROJEK JENDELA ILMU DAN GERBANG DIGITAL MASJID MELAYU TELUK INTAN**

- 
1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan entiti wakaf peringkat Kebangsaan yang sentiasa komited dan proaktif dalam mengimarahkan ibadah wakaf serta pengagihan manfaat wakaf ke seluruh negara. Selain agihan dana wakaf, YWM turut cakna dan aktif dalam pengagihan manfaat melibatkan dana CSR yang lebih fleksibel penggunaannya.
  2. Masjid Melayu Teluk Intan (MMTI) merupakan salah sebuah masjid yang tertua di Perak yang kini mencecah usia hampir 100 tahun. YWM telah menerima permohonan daripada pihak MMTI bagi tujuan pembangunan Projek Jendela Ilmu dan Gerbang Digital yang bermatlamat pembangunan pendidikan kariah masjid dan sebagai salah satu elemen dalam menarik minat orang ramai mengimarahkan masjid khususnya dalam kalangan remaja dan belia.
  3. YWM amat menyokong usaha yang dilaksanakan oleh pihak masjid dan atas usaha ini, YWM berbesar hati menyumbangkan sebanyak RM9,500 bagi tujuan pembangunan projek ini. **Ketua Pegawai Eksekutif YWM, YBrs. Dr. Ridzwan Bakar** telah **menyerahkan cek cura sumbangan berjumlah RM9,500 kepada Encik Badrul Hisham bin Muniran, Pengerusi Jawatankuasa MMTI** yang turut disaksikan oleh **YBhg. Mejar (K) Dato' Dr. Haji Meor Redwan bin Mahayudin, YDH Orang Kaya Kaya Laksamana Raja Mahkota Orang Besar Jajahan Hilir Perak.**
  4. Sumbangan ini telah diserahkan menerusi Forum “Infaq dan Wakaf Urusan Yang Patut Diurus Secara Terurus” yang dianjurkan oleh pihak MMTI bersama YWM. Selain program forum, turut diadakan adalah program dialog khas, program sumbangan, program cerapan bulan dan bintang. Manakala, pada kesokan akan turut diadakan program Qiamulail dan program Geng Subuh Macam Jumaat.
  5. Menerusi sumbangan ini, YWM berharap agar usaha untuk mengimarahkan Masjid Teluk Intan ini dapat terus disemarakkan oleh semua pihak khususnya dalam kalangan para remaja dan belia.
  6. Bagi tujuan penyertaan, orang ramai boleh mendaftar menerusi portal rasmi YWM iaitu [www.ywm.gov.my/app](http://www.ywm.gov.my/app). Setiap sumbangan wakaf yang diterima menerusi pelan perlindungan ini layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

- TAMAT -

---

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin  
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat  
Yayasan Waqaf Malaysia  
019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
  
- 2. Encik Muhammad bin Haji Abu Bakar  
Setiausaha Jawatankuasa MMTI  
017-3877861**